

AIA PUBLIC Takaful Dana Berkaitan Pelaburan



**AIA PUBLIC
TAKAFUL**

Sebahagian daripada



**THE REAL LIFE
COMPANY**



Laporan Prestasi

Pada 30 November 2014

aiapublic.com.my



**AIA PUBLIC
TAKAFUL**

Utusan Ketua Pegawai Eksekutif	01 - 02	Message from CEO	39
Tinjauan pasaran bagi tahun berakhir 30 November 2014	03 - 06	Market review for the financial year ended 30 November 2014	40 - 42
Jadual Perbandingan Prestasi	07 - 18	Comparative Performance Table	43 - 54
Butiran Pelaburan	19 - 25	Details of Investments	55 - 61
Kenyataan Pihak Pengurusan	26	Statement by Manager	62
Laporan Juruaudit Bebas kepada Pemegang Sijil	27 - 28	Independent Auditors' Report to the Certificate Holders	63 - 64
Penyata Aset dan Liabiliti	29 - 30	Statement of Assets and Liabilities	65 - 66
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	31 - 32	Statement of Income and Expenditure	67 - 68
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih	33 - 34	Statement of Changes in Net Asset Value	69 - 70
Nota-nota kepada Maklumat Kewangan	35 - 38	Notes to the Financial Information	71 - 74
		U.S. Foreign Account Tax Compliance Act	75
		Contact Us & Find Out More	76

UTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pemegang Sijil Yang Dihargai,

Tinjauan Pasaran

Walaupun tahun kewangan 2014 bermula secara optimis namun ia berakhir dengan kekecewaan memandangkan Indeks FBM Shariah hanya mencatatkan pulangan yang kecil iaitu sebanyak 2.37%, berbanding dengan dua tahun sebelumnya apabila Indeks FBM Shariah mencatatkan pulangan purata sebanyak 13.3%. Walaupun pasaran hartanah yang semakin lembap, peristiwa tragedi berkembar yang melibatkan MH370 dan MH17 dan kadar percetakan wang Rizab Persekutuan AS yang perlahan, pasaran tetap menunjukkan peningkatan sehingga bulan September. Namun begitu, keyakinan hilang, apabila harga minyak jatuh mendadak daripada AS\$110 setong pada Ogos ke AS\$60 setong pada November dan berterusan sehingga awal tahun 2015.

Pasaran pendapatan tetap memperoleh pulangan yang lebih baik dengan peningkatan Indeks Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) kepada 4.6% berasaskan jangkaan inflasi yang mantap, kelancaran Perbendaharaan AS dan pengurangan berterusan dalam subsidi oleh kerajaan Malaysia yang merupakan faktor positif untuk prospek fiskal negara.

Prestasi

Walaupun pasaran saham bagi tahun ini kurang memuaskan, prestasi kebanyakan daripada dana-dana tidak terhad kami mengatasi penanda aras masing-masing dan juga dana-dana lain di pasaran. Terutamanya prestasi dua dana utama kami - Dana A-Dana Balanced dan Dana A-Dana Equity - amat menggalakkan, memberikan pulangan masing-masing sebanyak 5.41% dan 8.33% kepada para pelanggan kami bagi tahun 2014, mengatasi penanda aras masing-masing sebanyak 3.55% dan 2.43%.

Unjuran

Dari segi strategi, kami berkecuali terhadap ekuiti berbanding dengan peruntukan pendapatan tetap. Dalam jangka masa pendek, pasaran ekuiti dijangka akan dipengaruhi oleh harga minyak yang rendah dan kedudukan Ringgit yang lemah. Bagi menjana prestasi yang kukuh, kami akan terus mengutamakan saham yang memiliki kepastian pendapatan yang kukuh. Dalam jangka masa panjang, kami menjangkakan keyakinan pasaran akan kembali seiring usaha kerajaan untuk mengurangkan defisit fiskal dan disokong oleh peningkatan dalam eksport.

Bagi pendapatan tetap, harga minyak yang tidak menentu dan kedudukan Ringgit yang lemah akan terus memberikan tekanan terhadap pasaran sukuk Malaysia. Perataan kadar faedah di Amerika Syarikat adalah juga satu indikasi, namun kami tidak menjangka ini berlaku sehingga akhir tahun 2015. Selain ini, pertumbuhan ekonomi global yang tidak sekata, harga minyak yang lebih rendah dan kesederhanaan permintaan dalam negeri dijangka bertindak sebagai penebat inflasi. Bank Negara Malaysia berpendapat bahawa asas jangkaan inflasi adalah baik dan seiring itu dasar kewangannya adalah untuk menjadi lebih akomodatif.

UTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (SAMB.)

Kami mengucapkan terima kasih sekali lagi demi kepercayaan anda terhadap kami. Pasukan pelaburan kami yang profesional dan berkepercayaan menggunakan kaedah pelaburan yang kukuh dan terbukti serta disokong oleh rangka kerja pengurusan risiko yang kukuh, dan dengan itu kami memberi jaminan kepada anda bahawa kami akan terus melaburkan wang anda secara berhemat bagi mencapai pulangan yang terbaik mungkin.

Salam sejahtera dan semoga berjaya dalam tahun 2015,

Yang benar,



Elmie Aman Najas
Ketua Pegawai Eksekutif
AIA PUBLIC Takaful Bhd.

TINJAUAN PASARAN

TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2014

1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan

Tinjauan Pasaran

Walaupun tahun kewangan 2014 bermula secara optimis namun ia berakhir dengan kekecewaan memandangkan Indeks FBMKLCI hanya mencatatkan pulangan yang kecil iaitu sebanyak 0.5%, berbanding dengan dua tahun sebelumnya apabila FBMKLCI mencatatkan pulangan purata sebanyak 10.5%. Walaupun pasaran hartanah yang semakin lembap, peristiwa tragedi berkembar yang melibatkan MH370 dan MH17 dan kadar percetakan wang Rizab Persekutuan AS yang perlahan, pasaran tetap menunjukkan peningkatan sehingga bulan September. Namun begitu, keyakinan hilang, apabila harga minyak jatuh mendadak daripada AS\$110 setong pada Ogos ke AS\$60 setong pada November dan berterusan sehingga awal tahun 2015.

Unjuran Pasaran

Tahun 2015 dijangka akan membawa cabaran bagi pasaran saham tempatan. Kejatuhan mendadak harga minyak mentah dalam beberapa minggu kebelakangan ini kemungkinan besar akan menjejaskan pertumbuhan KDNK sebenar kepada kira-kira 4.5% berbanding dengan 5.5% yang merupakan anggaran awal pertumbuhan bagi tahun 2015. Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dijangka menjejaskan perbelanjaan para pengguna. Kebimbangan terhadap keupayaan Malaysia untuk memenuhi sasaran 3% defisit bajet dan mengekalkan akaun semasa yang positif akan berterusan sekiranya harga minyak kekal pada paras rendah semasa. Walau bagaimanapun, likuiditi domestik yang tinggi masih berlanjutan ekoran dana berkaitan GLC yang kaptif, kadar faedah yang rendah, kenaikan tahap eksport bukan komoditi disokong oleh pertumbuhan ekonomi global sebanyak 3.6% yang dijangkakan pada tahun 2015 dan komitmen berterusan kerajaan bagi reformasi fiskal. Penjualan mendadak dalam tempoh bulan November-Disember 2014 adalah hasil daripada aliran keluar asing yang besar yang merupakan perkara lepas.

Dalam jangka masa panjang, kami pasti bahawa harga minyak mentah akan pulih secara beransur-ansur ekoran kelucutan para pengeluar minyak berkos tinggi. Dalam masa yang akan datang, kedudukan lemah Ringgit dan tahap pemilikan asing yang rendah dapat mendorong para pelabur untuk mempertimbangkan semula prospek bursa tempatan.

TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2014 (SAMB.)

1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan (samb.)

Peluang

- Pemulihan dalam harga minyak mentah dan minyak sawit mentah dijangka akan merangsang pasaran saham tempatan.
- Kejayaan pelancaran projek-projek besar oleh kerajaan seperti MRT Line 2 dan projek RAPID Pengerang.
- Komitmen kerajaan Malaysia terhadap pembaharuan fiskal.

Kebimbangan

- Harga minyak kekal di bawah AS\$50 setong untuk tempoh yang panjang.
- Hutang 1MDB yang semakin meningkat dan daya maju perniagaannya dalam jangka masa pendek.
- Kadar faedah AS mungkin meningkat lebih tinggi dan lebih cepat daripada jangkaan.
- Indeks FBM Syariah kini pada tahap tertingginya menjadikannya terdedah kepada pembetulan.
- Bank Negara mungkin menaikkan kadar faedah jika pertumbuhan adalah lebih baik daripada jangkaan.
- Pemotongan subsidi dan pelaksanaan GST mungkin menjejaskan permintaan pengguna dan kos pengendalian perniagaan.
- Risiko pelaksanaan program pembaharuan utama seperti pelaksanaan GST sementara pelaksanaan GST mungkin menjejaskan permintaan pengguna dan kos pengendalian perniagaan.
- Pertumbuhan ekonomi global yang mundur dan risiko geopolitik.
- Kemunduran pertumbuhan perlahan di China disebabkan oleh peralihannya kepada dasar ekonomi baru seperti yang digariskan dalam Plenum Ketiganya.

TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2014 (SAMB.)

2. Ulasan Pasaran Sukuk Tempatan

Tinjauan Pasaran

Rizab Persekutuan AS telah memulakan pengurangan pembelian aset bulannya pada bulan Januari. Walaupun ini pada mulanya menyebabkan peningkatan hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan seterusnya MGS 10 tahun meningkat ke 4.23%, ianya menjadi jelas bahawa tapering akan diukur dan seterusnya pasaran bertindak mengikut tapering tersebut. Tapering telah dilengkapkan pada Oktober 2014. Pengerusi Fed menjamin pasaran-pasaran bahawa walaupun selepas pengurangan tersebut, kadar akan kekal pada paras hampir sifar untuk masa yang panjang sehinggalah ekonomi menunjukkan lebih lagi peningkatan.

Pada bulan Julai, Bank Negara telah menaikkan Kadar Dasar Semalaman sebanyak 25 mata asas kepada 3.25%, dengan menyatakan bahawa "prospek pertumbuhan yang kukuh" dan inflasi purata jangka panjang sebagai punca kenaikan. Bank juga telah sebelum ini menyatakan bahawa ia khuatir atas peningkatan ketidakseimbangan kewangan. Ini menyebabkan kerataan keluk kadar hasil ekoran peningkatan hasil jangka pendek. Walau bagaimanapun, kenaikan kadar ini merupakan satu-satunya bagi tahun 2014 sebab tanda-tanda ketidakseimbangan kewangan mula menyurut dan risiko pertumbuhan seolah lebih besar daripada inflasi menuju hujung tahun.

Bagi sebahagian besar tahun, pasaran sukuk di Malaysia telah dipengaruhi oleh perkembangan dan sentimen luaran berpandukan apa yang berlaku di Perbendaharaan AS.

Unjuran Pasaran

Harga minyak yang tidak menentu dan kelemahan Ringgit akan terus memberi tekanan kepada pasaran sukuk Malaysia. Walaupun Malaysia mungkin berkelihatan menarik dalam persekitaran hasil global yang rendah, kelemahan tempoh jangka panjang akan mengurangkan tarikannya. Perataan kadar faedah di Amerika Syarikat adalah juga satu indikasi, namun kami tidak menjangka ini berlaku sehingga akhir tahun 2015. Pertumbuhan ekonomi global yang tidak sekata dan inflasi stabil adalah faktor penggalak kepada pasaran sukuk Malaysia. Harga minyak yang lebih rendah dan kesederhanaan permintaan dalam negeri dijangka bertindak sebagai penebat inflasi.

Peluang

- Bank Negara kemungkinan besar akan mengekalkan dasar monetari yang akomodatif, dengan itu ini perlu mengekalkan kadar jangka pendek yang stabil dan kami boleh mengambil risiko jangka panjang terpilih.
- Kadar hasil dalam pasaran negara-negara maju haruslah kekal rendah sementara pelonggaran kuantitatif di Kesatuan Eropah dan Jepun dapat mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh tapering Amerika Syarikat, perbezaan hasil relatif akan terus mengekalkan daya tarikan Malaysia.
- Dengan syarat kredit yang lebih stabil dan saluran bekalan sederhana bagi sukuk korporat pada tahun 2015, kemungkinan lebaran kredit akan diketatkan.

TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2014 (SAMB.)

2. Ulasan Pasaran Sukuk Tempatan (samb.)

Kebimbangan

- Terdapat pemilikan asing MGS yang tinggi, ini menjadikan pasaran terdedah kepada aliran keluar sekiranya unjuran fiskal Malaysia merosot atau sekiranya para pelabur mula mengelakkan pasaran baru muncul.
- Rizab Persekutuan mengetatkan lagi dan lebih awal daripada yang dijangkakan.
- Kesan harga minyak yang lebih rendah terhadap penarafan kredit Malaysia.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI

01. DANA A-DANA INCOME

Bagi tahun fiskal 2014, atas nilai bersih, pulangan Dana 3.30% berbanding penanda aras 3.28%. Sejak pelancarannya pada Mac 2011, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan 4.75% berbanding penanda aras 3.24%.

	1 Bulan	1-Tahun	5-Tahun	Sejak Pelancaran
	Okt 14 - Nov 14	Nov 13- Nov 14	Nov 09 - Nov 14	Mac 11 - Nov 14
Dana A-Dana Income	0.17%	3.30%	n/a	4.75%
Indeks*	0.27%	3.28%	n/a	3.24%
Lebih/(Bawah) prestasi	-0.10%	0.02%	-	1.51%

* Kadar Akaun Pelaburan Umum 12 bulan Maybank

Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana semasa tahun tersebut?

Positif

- Pemilihan sekuriti secara berwaspadanya Dana membekalkan bantuan sebab kredit penarafan yang lebih rendah secara umum tidak menunjukkan prestasi yang baik.

Negatif

- Pelaburan Dana berwajaran rendah menyebabkan prestasi jatuh dan akibatnya hasil jangka pendek meningkat tetapi kadar hasil jangka panjang jatuh.

Apakah unjuran masa depan kami?

Kami akan berkedudukan berkecuali bagi jangka masa sementara membuat pelaburan di dalam sukuk korporat dan kerajaan yang menawarkan nilai-nilai relatif yang baik. Walaupun mungkin terdapat beberapa ketidaktentuan kadar, kami menjangkakan keketatan lebaran kredit dan ini akan menyebabkan dana mempunyai pelaburan yang lebih tinggi di dalam sukuk korporat berbanding sukuk kerajaan bagi nilai pembawaan yang lebih tinggi.


Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko Dana?

Dana A-Dana Income terus tertumpu terhadap memaksimumkan jumlah pulangan yang merangkumi kedua-dua pertumbuhan pendapatan dan modal dengan membuat pelaburan terutamanya dalam sukuk Islam gred pelaburan (sukuk) dan instrumen pasaran wang Islam di Malaysia sambil meminimumkan risiko pelaburan semula.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

01. DANA A-DANA INCOME (SAMB.)

Pendedahan Aset Dana A-Dana Income pada 30 November 2014



Pecahan sektor pada 30 November:

Kategori/Sektor	2014	2013	2012
Tunai & Lain-lain	3%	5%	4%
Kerajaan & Lain-lain Perkhidmatan	4%	-	-
Elektrik, Gas & Air	22%	31%	39%
Kewangan, Insurans, Hartanah & Perkhidmatan Perniagaan	35%	31%	28%
Pengangkutan, Pergudangan & Komunikasi	16%	14%	17%
Pembinaan	20%	19%	4%
REIT	-	-	8%
JUMLAH	100%	100%	100%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

01. DANA A-DANA INCOME (SAMB.)

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")

	30 Nov 2014	30 Nov 2013	30 Nov 2012
Jumlah NAV (RM)	14,639,380	12,892,832	10,971,581
Bilangan Unit-unit	24,566,372	22,357,076	19,559,111
NAV/unit (RM)	0.595	0.577	0.561
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.595	0.578	0.561
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.576	0.559	0.525
Cukai (%)	8	8	8

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. DANA A-DANA EQUITY

Bagi tahun fiskal 2014, atas asas bersih, pulangan Dana 8.38% berbanding penanda aras 2.43%. Sejak pelancaran pada Mac 2011, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan 9.84% berbanding penanda aras 7.21%.

	1 Bulan	1-Tahun	5-Tahun	Sejak Pelancaran
	Okt 14 - Nov 14	Nov 13- Nov 14	Nov 09 - Nov 14	Mac 11 - Nov 14
Dana A-Dana Equity	-1.93%	8.38%	n/a	9.84%
Indeks*	-2.19%	2.43%	n/a	7.21%
Lebih/(Bawah) prestasi	0.26%	5.95%	-	2.63%

* 95% FTSE Bursa Emas Shariah Indeks + 5% 1 Bulan KLIBOR

Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana sepanjang tahun tersebut?

Positif

- Dana berwajaran tinggi dalam saham bermodal kecil ke besar, yang telah mengatasi prestasi.
- Kedudukan Dana berwajaran tinggi dalam sektor kitaran seperti hartanah pelaburan dan teknologi, yang telah mengatasi prestasi.
- Kedudukan Dana berwajaran rendah dalam sektor pengguna, adalah di bawah prestasi.

Negatif

- Dana berwajaran tinggi dalam sektor kewangan, minyak & gas, pengilangan dan perladangan, adalah di bawah prestasi.
- Kedudukan Dana berwajaran rendah dalam sektor komunikasi, yang telah mengatasi prestasi.
- Penyertaan Dana di dalam IPO dan penempatan adalah di bawah prestasi.

Apakah strategi masa depan anda?

Dengan jangkaan pertumbuhan global yang serentak, kami lebih cenderung kepada stok pertumbuhan berbanding stok hasil dengan tumpuan ke atas syarikat dengan prospek pertumbuhan yang baik, margin keuntungan yang bersesuaian, aliran tunai yang kukuh, kunci kira-kira dan penilaian yang bersesuaian. Kami juga memilih pengekspor didokong oleh pemulihan dalam eksport global dan dolar AS yang kukuh. Oleh itu, kami memilih stok dalam sektor kitaran seperti minyak & gas, stok hartanah terpilih, pembinaan dan teknologi.


Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko Dana?

Kami akan terus mencari pertumbuhan jangka sederhana hingga panjang ke atas modal dan pendapatan dengan melabur di dalam ekuiti diluluskan Shariah, Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) dan sekuriti berkaitan ekuiti tersenarai di Bursa Malaysia.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. DANA A-DANA EQUITY (SAMB.)

Pendedahan Aset Dana A-Dana Equity pada 30 November 2014



Pecahan sektor pada 30 November:

Kategori/Sektor	2014	2013	2012
Tunai & Lain-lain	8%	2%	4%
Pembinaan	7%	7%	7%
Produk Pengguna	2%	3%	10%
Kewangan	2%	5%	-
Produk Perindustrian	8%	9%	13%
Syarikat Projek Infrastruktur	7%	6%	8%
Perladangan	10%	8%	6%
Hartanah	9%	7%	3%
Teknologi	3%	2%	-
Perdagangan/Perkhidmatan	44%	51%	47%
REIT	-	-	2%
JUMLAH	100%	100%	100%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. DANA A-DANA EQUITY (SAMB.)

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")

	30 Nov 2014	30 Nov 2013	30 Nov 2012
Jumlah NAV (RM)	25,610,101	17,804,022	9,811,300
Bilangan Unit-unit	36,012,099	27,127,605	17,904,878
NAV/unit (RM)	0.711	0.656	0.548
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.730	0.656	0.578
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.651	0.537	0.498
Cukai (%)	8	8	8

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

03. DANA A-DALI EQUITY

Bagi tahun fiskal 2014, atas asas bersih, pulangan Dana 1.99% berbanding penanda aras 2.37%. Sejak pelancaran pada Mac 2011, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan 6.99% berbanding penanda aras 10.11%.

	1 Bulan	1-Tahun	5-Tahun	Sejak Pelancaran
	Okt 14 - Nov 14	Nov 13- Nov 14	Nov 09 - Nov 14	Mac 11 - Nov 14
Dana A-DALI Equity	-1.57%	1.99%	n/a	6.99%
Indeks*	-2.32%	2.37%	n/a	10.11%
Lebih/(Bawah) prestasi	0.75%	-0.38%	-	-3.13%

* FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah

Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana sepanjang tahun tersebut?

Positif

- Kedudukan Dana berwajaran tinggi dalam telekomunikasi telah menyumbang secara positif kepada prestasi dana.
- Dana ini juga mendapat manfaat positif daripada wajaran rendah dalam sektor-sektor seperti perindustrian, utiliti, barangan pengguna dan bahan-bahan asas sepanjang tahun 2014.
- Kedudukan Dana berwajaran tinggi dalam saham-saham bermodal besar telah menyumbang secara positif kepada prestasinya.

Negatif

- Kedudukan berwajaran tinggi Dana dalam perkhidmatan minyak & gas dan pengguna, telah menyumbang secara negatif kepada prestasi
- Prestasi negatif Dana juga timbul daripada kedudukan berwajaran rendah di kedua-dua sektor kewangan dan penjagaan kesihatan.

Apakah strategi masa depan anda?

Walaupun persekitaran yang mundur, kami tetap meneruskan pencarian saham yang dapat memberikan pendapatan yang mampan. Kami tidak akan bertindak secara terlalu defensif. Kami memiliki wajaran tinggi di dalam sektor-sektor utiliti, telekomunikasi dan pembinaan dan juga dalam saham-saham terpilih dalam teknologi dan bahan-bahan asas. Kami berwajaran rendah di dalam sektor minyak dan gas.


Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko Dana?

Kami akan meneruskan usaha memaksimumkan pertumbuhan modal dan pendapatan jangka panjang menerusi portfolio ekuiti yang pelbagai.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

03. DANA A-DALI EQUITY (SAMB.)

Pendedahan Aset Dana A-DALI Equity pada 30 November 2014



Pecahan sektor pada 30 November:

Kategori/Sektor	2014	2013	2012
Tunai & Lain-lain	7%	2%	0%
Dana Mutual	93%	98%	0%
JUMLAH	100%	100%	-

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

03. DANA A-DALI EQUITY (SAMB.)

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")

	30 Nov 2014	30 Nov 2013	30 Nov 2012
Jumlah NAV (RM)	1,650,695	615,762	-
Bilangan Unit-unit	2,919,861	1,111,233	-
NAV/unit (RM)	0.565	0.554	-
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.584	0.554	-
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.544	0.492	-
Cukai (%)	8	8	-

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. DANA A-DANA BALANCED

Bagi tahun fiskal 2014, atas asas bersih, pulangan Dana 5.41% berbanding penanda aras 3.55%. Sejak pelancaran pada Mac 2011, Dana telah mencatatkan pulangan tahunan 6.30% berbanding penanda aras 6.28%.

	1 Bulan	1-Tahun	5-Tahun	Sejak Pelancaran
	Okt 14 - Nov 14	Nov 13- Nov 14	Nov 09 - Nov 14	Mac 11 - Nov 14
Dana A-Dana Balanced Equity	-1.49%	5.41%	n/a	6.30%
Indeks*	-1.01%	3.55%	n/a	6.28%
Lebih/(Bawah) prestasi	-0.48%	1.86%	-	0.02%

* Indeks 50% FTSE Bursa Malaysia Shariah Emas + 50% Terbitan Semua Pelaburan Kerajaan Malaysia

Apakah pelaburan yang mempengaruhi prestasi Dana sepanjang tahun tersebut?

Positif

- Dana berwajaran tinggi dalam saham bermodal kecil ke besar, yang telah mengatasi prestasi.
- Kedudukan Dana berwajaran tinggi dalam sektor kitaran seperti hartanah dan teknologi, yang telah mengatasi prestasi.
- Kedudukan Dana berwajaran rendah dalam sektor pengguna, adalah di bawah prestasi.
- Kedudukan Dana berwajaran tinggi jangka waktu telah membantu prestasi memandangkan kejatuhan kadar hasil jangka panjang.
- Pelaburan dana dalam sekuriti jaminan-kerajaan jangka panjang juga menyumbang secara positif.

Negatif

- Kedudukan Dana berwajaran tinggi dalam sektor minyak & gas, pengilangan dan perladangan, adalah di bawah prestasi.
- Kedudukan Dana berwajaran rendah dalam sektor konglomerat dan telekomunikasi, yang telah mengatasi prestasi.
- Penyertaan Dana di dalam IPO dan penempatan, adalah di bawah prestasi.
- Kekurangan pegangan Dana dalam sekuriti berhasil tinggi bermakna bahawa dana kehilangan nilai bawaan tinggi.

Apakah strategi masa depan anda?

Bagi ekuiti, dengan jangkaan pertumbuhan global yang serentak, kami lebih cenderung kepada stok pertumbuhan berbanding stok hasil dengan tumpuan ke atas syarikat dengan prospek pertumbuhan yang baik, margin keuntungan yang bersesuaian, aliran tunai yang kukuh, kunci kira-kira dan penilaian yang bersesuaian. Kami juga memilih pengeksport didokong oleh pemulihan dalam eksport global dan dolar AS yang kukuh. Oleh itu, kami memilih stok dalam sektor kitaran seperti minyak & gas, stok hartanah terpilih, pembinaan dan teknologi.

Kami akan berkedudukan berkecuali bagi jangka masa sementara membuat pelaburan di dalam sukuk korporat dan kerajaan yang menawarkan nilai-nilai relatif yang baik.


JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. DANA A-DANA BALANCED (SAMB.)

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko Dana?

Kami akan terus memaksimumkan jumlah pulangan dengan keselamatan modal yang munasabah dan sesuai untuk pelabur yang sanggup mengambil risiko sederhana untuk mencapai pulangan yang berpatutan.

Pendedahan Aset Dana A-Dana Balanced Fund pada 30 November 2014



JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

Pecahan sektor pada 30 November:

Kategori/Sektor	2014	2013	2012
Tunai & Lain-lain	4%	4%	0%
Pendapatan Tetap	29%	2%	0%
Barangan Pengguna	2%	3%	0%
Produk Perindustrian	6%	27%	0%
Pembinaan	5%	15%	0%
Perdagangan/Perkhidmatan	31%	5%	0%
Teknologi	2%	5%	0%
Syarikat Projek Infrastruktur	5%	26%	0%
Kewangan	2%	9%	0%
Hartanah	7%	4%	0%
Perladangan	7%	0%	0%
Unit Amanah Patuh Syariah	-	-	100%
JUMLAH	100%	100%	100%

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")

	30 Nov 2014	30 Nov 2013	30 Nov 2012
Jumlah NAV (RM)	6,415,884	6,360,646	6,909,242
Bilangan Unit-unit	5,239,800	5,437,100	6,541,022
NAV/unit (RM)	1.224	1.17	1.06
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	1.247	1.22	1.06
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	1.154	1.03	1.01
Cukai (%)	8	8	8

BUTIRAN PELABURAN**01. DANA A-DANA INCOME****SUKUK KERAJAAN BERKAGAR**

Kuantiti	Nama Kaunter	Penarafan	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
500,000	TERBITAN PELABURAN MALAYSIA	-	500,000	511,960	3.50%
500,000			500,000	511,960	

SUKUK KORPORAT TIDAK DISEBUTHARGA

Kuantiti	Nama Kaunter	Penarafan	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
1,300,000	KAPAR ENERGY VENTURES	AA+is	1,310,650	1,300,408	8.88%
500,000	SARAWAK ENERGY BHD	AA1	500,000	504,808	3.45%
400,000	TANJUNG BIN POWER SDN BHD	AA2	412,460	400,748	2.74%
1,000,000	TAQA ABU DHABI NATIONAL ENERGY	AA1	1,001,800	995,730	6.80%
2,347,723	BGSM MANAGEMENT	AA3	2,377,139	2,373,668	16.21%
1,000,000	EVERSENDAI CORP	AA3	1,002,200	997,120	6.81%
1,400,000	UEM LAND HOLDINGS BHD	AA-is	1,400,000	1,394,428	9.53%
600,000	WCT HOLDINGS BHD	AA-is	601,758	600,420	4.10%
500,000	BANK PEMBANGUNAN MALAYSIA BHD	-	500,000	503,510	3.44%
300,000	DANAINFRA NASIONAL	-	300,000	299,961	2.05%
400,000	CIMB ISLAMIC BANK BHD	AA+is	438,500	422,352	2.89%
500,000	IMTIAZ SUKUK BHD	AA2s	500,000	497,255	3.40%
1,000,000	MALAKOFF POWER BHD	AA-is	1,003,600	1,002,620	6.85%
850,000	MAYBANK ISLAMIC BHD	AA1	854,095	851,607	5.82%
200,000	RHB ISLAMIC BANK BHD	AA3	200,000	201,466	1.38%
1,300,000	SABAH CREDIT CORP	AA1	1,303,770	1,316,198	8.99%
13,597,723			13,705,972	13,662,299	

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**02. DANA A-DANA EQUITY****SAHAM DILULUSKAN SHARIAH DISEBUTHARGA**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
PEMBINAAN				
166,000	GAMUDA BERHAD	768,574	878,140	3.43%
113,200	IJM CORPORATION BERHAD	666,228	767,496	3.00%
BARANGAN PENGGUNA				
15,800	PPB GROUP BHD	253,127	245,216	0.96%
31,500	UMW HOLDINGS BHD	375,864	355,320	1.39%
KEWANGAN				
83,540	BIMB HOLDINGS BHD	296,434	356,716	1.39%
18,000	SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA	110,818	197,280	0.77%
PRODUK PERINDUSTRIAN				
185,000	CB INDUSTRIAL PRODUCT HOLDINGS BERHAD	387,765	408,850	1.60%
245,000	CHIN WELL HOLDINGS BHD	339,078	387,100	1.51%
52,000	HUME INDUSTRIES BHD	202,800	189,280	0.74%
226,700	KNM GROUP BHD	213,288	126,952	0.50%
101,300	PETRONAS CHEMICALS GROUP BHD	654,330	570,319	2.23%
14,700	PETRONAS GAS BERHAD	298,847	333,984	1.30%
79,800	TOMYPAK HOLDINGS BHD	108,429	103,740	0.41%
SYARIKAT PROJEK INFRASTRUKTUR				
148,332	DIGI.COM BHD	748,246	934,492	3.65%
160,700	TIME DOTCOM BHD	610,241	795,465	3.11%
PERLADANGAN				
71,000	BOUSTEAD PLANTATIONS BHD	113,699	109,340	0.43%
30,000	GENTING PLANTATIONS BHD	334,367	321,000	1.25%
105,000	IOI CORPORATION BERHAD	505,559	506,100	1.98%
20,500	KUALA LUMPUR KEPONG BHD	479,219	461,250	1.80%
146,600	KULIM (M) BERHAD	517,417	501,372	1.96%
251,100	TANAH MAKMUR BERHAD	416,874	449,469	1.76%
265,800	TDM BERHAD	184,601	219,285	0.86%
HARTANAH				
161,700	CRESCENDO CORPORATION BERHAD	426,799	444,675	1.74%
152,367	HUA YANG BHD	235,942	330,636	1.29%
150,000	IJM LAND BHD	507,596	507,000	1.98%
93,700	MATRIX CONCEPTS HOLDINGS BHD	161,784	271,730	1.06%
76,233	SUNWAY BERHAD	239,919	258,430	1.01%
117,000	TITIJAYA LAND BHD	280,520	257,400	1.01%
109,000	UEM SUNRISE BHD	333,283	196,200	0.77%

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**02. DANA A-DANA EQUITY (SAMB.)****SAHAM DILULUSKAN SHARIAH DISEBUTHARGA (SAMB.)**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
TEKNOLOGI				
345,700	GHL SYSTEMS BHD	155,518	248,904	0.97%
56,500	GLOBETRONICS TECHNOLOGY BHD	168,727	255,380	1.00%
103,400	VITROX CORPORATION BHD	128,094	252,296	0.99%
PERDAGANGAN/PERKHIDMATAN				
215,000	AIRASIA X BHD	242,241	145,125	0.57%
226,100	AXIATA GROUP BERHAD	1,479,354	1,596,266	6.23%
93,400	BERJAYA AUTO BHD	225,655	312,890	1.22%
87,000	DAYANG ENTERPRISE HOLDINGS BHD	296,122	245,340	0.96%
278,430	DIALOG GROUP BERHAD	398,690	414,861	1.62%
92,000	FABER GROUP BERHAD	302,093	241,040	0.94%
125,000	ICON OFFSHORE BHD	233,563	161,250	0.63%
152,300	MAXIS BHD	993,114	1,055,439	4.12%
91,300	MBM RESOURCES BERHAD	313,438	253,814	0.99%
97,800	MISC BHD-L	565,292	714,918	2.79%
82,300	POS MALAYSIA AND SERVICES HOLDINGS BHD	345,105	403,270	1.57%
398,200	PRESTARIANG BHD	454,888	657,030	2.57%
117,208	SIME DARBY BERHAD	1,106,395	1,134,573	4.43%
101,675	TELEKOM MALAYSIA BERHAD	613,912	719,859	2.81%
167,200	TENAGA NASIONAL BERHAD	1,558,668	2,384,272	9.31%
69,968	UMW OIL & GAS CORP BHD	233,796	198,009	0.77%
102,000	UZMA BHD	162,004	217,260	0.85%
137,200	WESTPORTS HOLDINGS BHD	386,846	456,876	1.78%
6,531,253		21,135,163	23,552,909	

WARAN EKUITI

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
PRODUK PERINDUSTRIAN				
30,834	CB INDUSTRIAL PRODUCT HOLDINGS BERHAD	-	15,417	0.06%
30,834		-	15,417	

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**02. DANA A-DANA EQUITY (SAMB.)****DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN ISLAM**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
3,100,000	CIMB ISLAMIC BANK	3,100,000	3,100,000	12.10%
3,100,000		3,100,000	3,100,000	

03. DANA A-DALI EQUITY**PELABURAN LAIN - MUTUAL FUND**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
1,067,700	CIMB ISLAMIC DALI EQUITY GROWTH FUND	1,544,232	1,534,606	92.97%
1,067,700		1,544,232	1,534,606	

04. DANA A-DANA BALANCED**SUKUK BERCAGAR KERAJAAN**

Kuantiti	Nama Kaunter	Penarafan	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
1,050,000	KHAZANAH NASIONAL BHD	-	892,500	940,895	14.66%
200,000	MALAYSIA INVESTMENT ISSUE	-	205,280	204,784	3.19%
1,250,000			1,097,780	1,145,679	

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**04. DANA A-DANA BALANCED (SAMB.)****SAHAM DILULUSKAN SHARIAH DISEBUTHARGA**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
BARANGAN PENGGUNA				
3,000	PPB GROUP BHD	48,182	46,560	0.73%
6,300	UMW HOLDINGS BHD	77,490	71,064	1.11%
PEMBINAAN				
28,800	GAMUDA BERHAD	125,421	152,352	2.37%
21,300	IJM CORPORATION BERHAD	115,536	144,414	2.25%
ELEKTRIK, GAS & AIR				
700,000	PENGURUSAN AIR SPV BHD	734,860	710,101	11.07%
KEWANGAN				
15,560	BIMB HOLDINGS BHD	55,823	66,441	1.04%
3,600	SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA	22,862	39,456	0.61%
SYARIKAT PROJEK INFRASTRUKTUR				
26,600	DIGI.COM BHD	126,898	167,580	2.61%
28,500	TIME DOTCOM BHD	114,570	141,075	2.20%
PRODUK PERINDUSTRIAN				
35,400	CB INDUSTRIAL PRODUCT HOLDINGS BERHAD	71,991	78,234	1.22%
45,000	CHIN WELL HOLDINGS BHD	62,306	71,100	1.11%
13,000	HUME INDUSTRIES BHD	50,700	47,320	0.74%
45,000	KNM GROUP BHD	42,341	25,200	0.39%
18,100	PETRONAS CHEMICALS GROUP BHD	115,381	101,903	1.59%
2,200	PETRONAS GAS BERHAD	44,009	49,984	0.78%
29,300	TOMYPAK HOLDINGS BHD	38,244	38,090	0.59%
HARTANAH				
30,000	CRESCENDO CORPORATION BERHAD	78,257	82,500	1.29%
30,433	HUA YANG BHD	41,705	66,040	1.03%
25,300	IJM LAND BHD	85,669	85,514	1.33%
19,500	MATRIX CONCEPTS HOLDINGS BHD	30,017	56,550	0.88%
14,666	SUNWAY BERHAD	42,670	49,718	0.77%
23,500	TITIJAYA LAND BHD	56,804	51,700	0.81%
21,000	UEM SUNRISE BHD	67,962	37,800	0.59%

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**04. DANA A-DANA BALANCED (SAMB.)****SAHAM DILULUSKAN SHARIAH DISEBUTHARGA (SAMB.)**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
PERLADANGAN				
13,000	BOUSTEAD PLANTATIONS BHD	21,178	20,020	0.31%
5,000	GENTING PLANTATIONS BHD	56,387	53,500	0.83%
19,000	IOI CORPORATION BERHAD	91,538	91,580	1.43%
4,100	KUALA LUMPUR KEPONG BHD	93,594	92,250	1.44%
26,600	KULIM (M) BERHAD	99,414	90,972	1.42%
40,200	TANAH MAKMUR BERHAD	64,118	71,958	1.12%
56,400	TDM BERHAD	31,697	46,530	0.73%
PERDAGANGAN/PERKHIDMATAN				
49,400	AIRASIA X BHD	55,642	33,345	0.52%
40,400	AXIATA GROUP BERHAD	273,214	285,224	4.45%
16,200	BERJAYA AUTO BHD	39,906	54,270	0.85%
17,000	DAYANG ENTERPRISE HOLDINGS BHD	57,863	47,940	0.75%
50,416	DIALOG GROUP BERHAD	70,796	75,120	1.17%
14,000	FABER GROUP BERHAD	45,610	36,680	0.57%
27,000	ICON OFFSHORE BHD	50,450	34,830	0.54%
27,500	MAXIS BHD	193,585	190,575	2.97%
17,000	MBM RESOURCES BERHAD	63,227	47,260	0.74%
18,400	MISC BHD-L	87,788	134,504	2.10%
14,900	POS MALAYSIA AND SERVICES HOLDINGS BHD	55,912	73,010	1.14%
68,800	PRESTARIANG BHD	50,970	113,520	1.77%
19,516	SIME DARBY BERHAD	185,365	188,915	2.94%
18,236	TELEKOM MALAYSIA BERHAD	106,451	129,111	2.01%
29,000	TENAGA NASIONAL BERHAD	225,214	413,540	6.45%
14,100	UMW OIL & GAS CORP BHD	46,366	39,903	0.62%
22,000	UZMA BHD	72,374	46,860	0.73%
24,000	WESTPORTS HOLDINGS BHD	66,583	79,920	1.25%
TEKNOLOGI				
67,500	GHL SYSTEMS BHD	24,977	48,600	0.76%
10,400	GLOBETRONICS TECHNOLOGY BHD	22,146	47,008	0.73%
20,600	VITROX CORPORATION BHD	25,628	50,264	0.78%
1,936,727		4,527,690	5,017,904	

BUTIRAN PELABURAN (SAMB.)**04. DANA A-DANA BALANCED (SAMB.)****WARAN EKUITI**

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
PRODUK PERINDUSTRIAN				
5,900	CB INDUSTRIAL PRODUCT HOLDINGS BERHAD	-	2,950	0.01%
5,900		-	2,950	

KENYATAAN PIHAK PENGURUSAN

Kami, Dato' Thomas Mun Lung Lee dan Dato' Haji Abdul Aziz Bin Dato' Dr. Omar, dua orang Pengarah AIA PUBLIC Takaful Bhd. ("Pengurus"), menyatakan bahawa, pada pendapat Pengurus, maklumat kewangan yang dibentangkan pada muka surat 29 hingga 38 telah disediakan menurut dasar perakaunan yang ditetapkan di dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan Perniagaan Insurans/Takaful Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").

Bagi pihak Pengurus,

Dato' Thomas Mun Lung Lee
Pengarah

Dato' Haji Abdul Aziz Bin Dato' Dr. Omar
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia
23 Februari 2015

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Laporan Juruaudit Bebas kepada Pemegang Sijil AIA PUBLIC Takaful Bhd:

Dana A-Dana Income
Dana A-Dana Equity
Dana A-DALI Equity
Dana A-Dana Balanced

(selepas ini dirujuk secara bersama sebagai "Dana")

LAPORAN KE ATAS MAKLUMAT KEWANGAN

Kami telah mengaudit maklumat kewangan Dana di muka surat 19 hingga 25, yang mengandungi penyata-penyata aset dan liabiliti sepertimana pada 30 November 2014, penyata pendapatan dan perbelanjaan dan perubahan dalam nilai bersih aset Dana bagi tahun kewangan berakhir, dan ringkasan dasar perakaunan penting dan lain-lain nota penjelasan, seperti yang dinyatakan di Nota 2 hingga 6.

Tanggungjawab Pengurus Bagi Maklumat Kewangan

Pengarah-pengarah AIA PUBLIC Takaful Bhd., sebagai Pengurus Dana, bertanggungjawab untuk menyediakan maklumat kewangan ini menurut dasar perakaunan yang ditetapkan di dalam Nota 3 maklumat kewangan dan Garis Panduan Perniagaan Insurans/Takaful Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") dan bagi kawalan dalaman yang ditentukan oleh Pengurus sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan maklumat kewangan yang bebas dari salah nyata ketara samada disebabkan penipuan atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk memberikan pandangan terhadap penyediaan maklumat kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian ini memerlukan kami untuk mematuhi keperluan etika dan merancang serta melaksanakan audit bagi mendapatkan jaminan sewajarnya bahawa maklumat kewangan adalah bebas daripada salah nyata ketara.

Audit membabitkan pelaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai jumlah dan pendedahan dalam maklumat kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko terhadap salah nyata ketara dalam maklumat kewangan, samada kerana penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko ini, kami menganggap kawalan dalaman sebagai berkaitan dengan penyediaan maklumat dan pembentangan sewajarnya terhadap maklumat kewangan Dana untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian mengikut keadaan, tetapi bukan untuk tujuan memberikan pandangan tentang keberkesanan kawalan dalaman Pengurus. Audit juga termasuk menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan yang dibuat oleh Pengurus, dan juga menilai keseluruhan pembentangan maklumat kewangan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk menjadi asas bagi pandangan audit kami.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS (SAMB.)

Laporan Juruaudit Bebas kepada Pemegang Sijil AIA PUBLIC Takaful Bhd:

Dana A-Dana Income
Dana A-Dana Equity
Dana A-DALI Equity
Dana A-Dana Balanced

(selepas ini dirujuk secara bersama sebagai "Dana") (samb.)

LAPORAN KE ATAS MAKLUMAT KEWANGAN (SAMB.)

Pendapat

